

Utusan Malaysia (komuniti kita) 12/5/22 (Johor) m/s: 42

Mini Karnival KPT Prihatin Keluarga Malaysia

PENGANJURAN Program Mini Karnival Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Prihatin Keluarga Malaysia yang berlangsung di Gelanggang Futsal Kampung Nelayan dan Dewan Terbuka Tenglu Laut, Mersing di Johor baru-baru ini, memberi manfaat penduduk setempat mendapatkan pemeriksaan kesihatan, servis motor percuma dan mendapatkan informasi kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) terutamanya bagi pelajar lepasan sekolah.

Program itu mendapat kerjasama **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Hospital Universiti Sains Malaysia, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Kolej Komuniti Bandar Penawar,

Kolej Komuniti Rompin dan Politeknik Mersing.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, mini karnival ini juga merupakan platform dengan sasaran untuk menyampaikan maklumat tentang pengajian di IPT termasuk penawaran Biasiswa Sulung Yayasan UMP.

"Kita juga dapat menyampaikan kepada komuniti setempat mengenai peluang pelajar yang merupakan anak pertama dalam keluarga golongan B40 yang ditawarkan mengikuti pengajian program diploma dan ijazah di UMP dan berpeluang menerima biasiswa Sulung UMP ini," katanya.



■ YUSERRIE Zainuddin (tiga dari kiri) bersama penerima Biasiswa Sulung yang ditawarkan Yayasan UMP buat anak pertama daripada keluarga B40 yang berjaya mengikuti pengajian di UMP. - UTUSAN/IHSAN UMP